

Ibu pergi sehari selepas jururawat terima ijazah

BEBERAPA jam selepas menerima ijazah kejururawatan di majlis tamat pengajian Universiti Nasional Singapura (NUS) baru-baru ini, Cik Kartika Asman, menggayaan gaun konvokesyen di hadapan ibunya yang terlantar sakit di rumah.

Meskipun ibunya, Cik Barijah Ahmad Sarjo, antara sedar dengan tidak bertarung dengan penyakit barah paru-paru yang sudah merebak ke otak, Cik Kartika, 23 tahun, tetap membisikkan kata-kata penuh pengharapan:

"Mummy, Ika dah graduate..." (Ibu, Ika dah tamat pengajian universiti...")

Beliau yakin kata-kata yang diucapkan dengan linangan deras air mata itu didengari si ibu yang tidak mampu membalaunya dengan pujian atau dakanan penuh kasih sayang.

Selang sehari selepas itu, Cik Barijah, seorang suri rumah dan ibu tiga anak yang dikesan menghidap barah sejak 2016, meninggal dunia pada usia 58 tahun.

Ternyata, pemergiannya itu meninggalkan kekosongan dalam jiwa Cik Kartika yang merupakan anak bongsu.

Sebagaimana yang dikongsi beliau yang kini bertugas di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak KK dalam pertemuan di rumahnya di sekitar Punggol Walk:

"Kepiulan memang terasa apabila ibu bapa saya tak dapat hadir di majlis tamat pengajian saya. Ayah perlu menjaga ibu."

"Beberapa bulan lalu, doktor kata, ibu hanya ada harapan hidup antara empat hingga enam bulan sahaja. Ternyata beliau pergi lebih awal daripada itu."

"Jika beliau lain mampu meraikan kejayaan mereka menggenggam ijazah bersama ibu bapa yang tumpang bangga, saya tidak dapat melakukannya bersama ibu bapa saya."

"Beza sewaktu dapat diploma kejururawatan daripada Politeknik Ngee Ann (NP) di mana mereka berdua hadir melihat saya naik pentas dan kami kemudian bergambar bersama."

Sebagai anak dari keluarga berpendapatan rendah, masalah kewangan merupakan antara badai kehidupan yang perlu diharungi sejak kecil lagi.

Sungguhpun begitu, beliau menjadi anak muda yang tangkas berdikari, berjimat, gagah melalui dugaan berat dan tidak mengambil mudah kehidupan serta setiap rezeki yang diraih.



CEKAL DEMI IBU: Cik Kartika Asman yang baru tamat pengajian kejururawatan daripada Universiti Nasional Singapura (NUS) terapkan kesungguhan dalam hatinya kerana enggan mengecewakan ibunya, Cik Barijah Ahmad Sajo (*dalam potret di depan, dua dari kanan*). Cik Barijah meninggal dunia sehari selepas Cik Kartika menerima ijazahnya. — Foto BM oleh RABI'ATUL'ADAWIYYAH SALEH

Bapanya, Encik Asman Wario, 59 tahun, mencari rezeki seorang diri sebagai pemandu teksi bagi menampung persekolahan tiga anaknya.

Kakak Cik Kartika juga menghidap penyakit lupus yang membuat sistem imun dalam tubuh menyerang tisu sihat.

Di ambang peperiksaan Sijil Am Pelajaran (GCE) Peringkat 'N' beliau, Cik Kartika sekeluarga mengalami masalah kewangan sehingga perlu menyewa flat bersama sebuah lagi keluarga lain.

Tempoh sukar itu dilalui selama tujuh bulan sebelum mereka berpindah ke rumah anak angkat ibunya dan akhirnya mendapat flat sendiri di Punggol.

"Bayangkan apabila bilik tidur utama menjadi rumah kami lima beranak. Ibu, kakak dan saya berkongsi sebuah katil sementara ayah dan abang tidur di lantai."

"Saya juga tidak selesa belajar di flat yang dikongsi dengan keluarga lain. Nak belajar di ruang tamu, ada pula anak kecil yang datang mengambil alat tulis saya dan riuh bermain."

"Kerap kali juga, saya mengulang kaji pelajaran di kolong blok atau dalam perjalanan ke sekolah. Memang terasa keperitannya tetapi saya tidak pernah berputus asa."

"Saya lihat teman sebaya atau saudara-saudara lain mampu ke kelas tuisyen se-

dangkan saya tiada kemewahan sebegini, ceritanya."

Kerjaya sebagai jururawat disifatkan sebagai penawar buatnya, lebih-lebih lagi apabila ia mampu memberi senyuman kepada orang lain dan meringankan beban mereka.

Ia bahkan bak sudah diatur Tuhan dengan baik sejak Cik Kartika tertarik dengan kemahiran memberi rawatan kecemasan sewaktu memasuki Persatuan Palang Merah di bangku sekolah rendah dan menengah.

"Ibu adalah segalanya buat saya. Ketidadaan beliau amat dirasakan kerana beliaulah pembakar semangat dan penenang jiwa saya dahulu. Teman-teman akan bertanya, 'bagaimana saya lalui semua kepayahan kehidupan pada usia muda?' Saya kadangkala tak perasan akan tenaga luar biasa itu. Pastinya ia datang dari Allah dan doa ibu bapa saya," kongsinya lagi.

"Ibu adalah segalanya buat saya. Ketidadaan beliau amat dirasakan kerana beliaulah pembakar semangat dan penenang jiwa saya dahulu.

Teman-teman akan bertanya, 'bagaimana saya lalui semua kepayahan kehidupan pada usia muda?' Saya kadangkala tak perasan akan tenaga luar biasa itu. Pastinya ia datang dari Allah dan doa ibu bapa saya."

— Cik Kartika Asman

"Apabila ibu dikesan menghidap barah dan mengalami kesan seperti lemas dalam air dalam percutian di Bandung, saya merasakan mungkin ada sebab mengapa saya terdorong menjadi jururawat."

"Malah, apabila ibu yang juga mempunyai penyakit kencing manis diuji dengan pelbagai kesulitan sewaktu menjalankan umrah dan berkata, 'kalau lauh saya ada bersama dengannya untuk merawat dan menjaganya', saya terharu diberi kecenderungan yang boleh membantu keluarga sendiri," jelasnya lagi.

Cik Kartika kini hanya berharap kemahiran kejururawatan yang diperolehi daripada latihan dan pengajian di NUS akan membuka pintu buatnya menawarkan lebih banyak bantuan kepada golongan yang memerlukan.

"Ibu adalah segalanya buat saya. Ketidadaan beliau amat dirasakan kerana beliaulah pembakar semangat dan penenang jiwa saya dahulu."

"Teman-teman akan bertanya, 'bagaimana saya lalui semua kepayahan kehidupan pada usia muda?' Saya kadangkala tak perasan akan tenaga luar biasa itu. Pastinya ia datang dari Allah dan doa ibu bapa saya," kongsinya lagi.